

## SIARAN MEDIA

### TFST MEMUDAH CARA PEMAJUAN 3 PROJEK DENGAN 1,107 UNIT RUMAH PROJEK PERUMAHAN SWASTA SAKIT

---

**KUALA LANGAT, 14 September 2023** – YB Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir, Timbalan Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan bersama pasukan Task Force Projek Perumahan Sakit Dan Terbengkalai (TFST) hari ini meneruskan lawatan turun padang bagi melihat perkembangan terkini tiga (3) projek perumahan swasta yang berstatus sakit di Selangor iaitu Taman Bentara 15, Taman Jugra Cemerlang dan projek Sentoria Harta di Morib, Kuala Langat.

Projek pertama yang dilawati adalah Taman Bentara 15 yang dimajukan oleh Syarikat Raya Baiduri Sdn. Bhd. melibatkan pemajuan perumahan yang terdiri daripada **60 unit rumah** teres satu tingkat. Pemajuan perumahan ini telah bermula pada tahun 2021 dan tarikh patut siap ialah pada 14 Ogos 2023. Walau bagaimanapun, projek ini tidak dapat disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan dan mula dikategorikan sebagai projek sakit disebabkan kelewatan bekalan kabel Tenaga Nasional Berhad (TNB) oleh pihak pembekal. Sehingga kini, surat sokongan daripada agensi Indah Water Konsortium (IWK) dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) masih belum diperolehi. Selain itu, projek ini juga dalam proses pemeriksaan akhir oleh Majlis Perbandaran Kuala Langat (MPKL).

Seterusnya, YB Akmal juga berkesempatan untuk melawat tapak Projek Taman Jugra Cemerlang yang dimajukan oleh Syarikat Melati Gemas Sdn. Bhd. di Kuala Langat, Selangor. Projek ini terdiri daripada **77 unit rumah** iaitu 48 unit rumah teres 2 tingkat dan 29 unit rumah teres 1 tingkat. Projek yang telah dimajukan pada 2021 dan sepatutnya siap pada 7 Ogos 2023 ini telah tergendala akibat kelewatan mendapatkan bekalan bahan binaan. Pemaju juga turut menghadapi masalah kewangan disebabkan oleh peningkatan kos bahan binaan dan sekatan bekalan semasa tempoh PKP dilaksanakan pada tahun 2020-2021.

Dalam lawatan tersebut, YB Akmal turut meninjau pembangunan projek di bawah pemaju Syarikat Sentoria Harta Sdn. Bhd. bagi pemajuan Rumah Selangorku yang berjumlah 778 unit rumah (630 unit rumah pangsa/kondo dan 148 unit rumah teres 1 tingkat) dan pemajuan rumah harga bebas sebanyak 192 unit rumah (148 unit rumah teres 1 tingkat dan 44 unit rumah teres 1 tingkat). Keseluruhan pemajuan ini melibatkan **970 unit rumah**. Antara isu utama yang

menyebabkan projek ini dikategorikan sebagai sakit ialah masalah dalaman (*internal*) pemaju dalam mendapatkan bekalan bahan binaan akibat peningkatan kos setelah tempoh pandemik berakhir selain isu berkaitan kelulusan sambungan air interim untuk keseluruhan projek. Pada masa ini, pemaju sedang berusaha menjalankan kerja-kerja penyiapan projek ini bagi memenuhi keperluan mendapatkan kelulusan Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (*Certificate of Completion and Compliance, CCC*).

Bagi pemajuan ini, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan melalui TFST telah melaksanakan beberapa langkah intervensi bagi projek ini termasuklah membuat pemeriksaan lawatan tapak secara berkala, mengeluarkan arahan bagi mengemukakan laporan bulanan, menguatkuasakan Seksyen 10E(1)(a) Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118] dengan memanggil mesyuarat bersama pemaju serta menyenarai hitam syarikat pemaju dan Ahli Lembaga Pengarah.

Menurut YB Akmal, “TFST meneruskan gerak kerja tinjauan ke tapak projek kerana ini merupakan salah satu langkah *resolve* TFST melalui intervensi Kerajaan bagi memudahcara penyiapan semua projek. Sehingga 31 Julai 2023, kesemua projek tersebut berstatus sakit di mana kelewatan melebihi 60 peratus daripada kemajuan sebenar”.

TFST komited menangani masalah projek sakit dan terbengkalai di seluruh negara dan ini merupakan langkah proaktif Kerajaan bagi menangani projek perumahan swasta sakit supaya ianya dapat disiapkan dan diserahkan kepada pembeli. KPKT sentiasa memfokuskan kepada kepentingan dan hak pembeli agar terpelihara demi kesejahteraan rakyat dalam usaha pemilikan kediaman yang kondusif dan berdaya huni.

**#MalaysiaMadani**  
**#StrongerTogether**  
**#DemiPertawi**  
**#UnityInDiversity**

---

*Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).*

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan  
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)

